

Bayaran haji tidak boleh seperti dulu

Kadar simpanan minimum daftar haji juga perlu dinaikkan ikut situasi semasa

Oleh NURUL NABILA
AHMAD HALIMY
SHAH ALAM

Kenaikan kadar bayaran menunaikan ibadah haji kumpulan B40 dan M40, serta cadangan menaikkan jumlah simpanan minimum sebelum seseorang dibenarkan membuat pendaftaran haji, adalah diperlukan susulan kos haji yang semakin meningkat.

Timbalan Dekan Jaringan dan Alumni, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Madya Datuk Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim berkata, "bayaran RM12,356 untuk B40 dan RM19,152 untuk M40 itu wajar selepas Arab Saudi menaikkan segala kos perbelanjaan serta kadar cukai nilai tambah (VAT)."

"Mengikut situasi semasa di Arab Saudi, segala kos termasuk penerbangan, makanan dan khemah semakin meningkat. Dahulu, anggaran hotel berhadapan dengan Masjidil Haram hanya sekitar RM8,999 untuk dua orang dalam satu bilik.

"Kini, jemahah perlu membayar sekitar RM14,900 bagi bilik yang memuatkan dua orang di tempat yang sama. Itulah harga yang telah ditetapkan oleh pihak hotel dan merupakan punca mengapa kos umrah meningkat.

"Bayangkan pula kos semasa musim haji? Oleh itu, kerajaan dan Tabung Haji (TH) terpaksa memikirkan solusi terbaik untuk umat Islam menunaikan ibadah haji dalam keadaan seslesa di samping memastikan kos yang ditanggung oleh mereka tidak membebani diri sendiri mahupun kerajaan," katanya kepada *Sinar Premium*.

Tambahnya, TH terpaksa membuat perubahan dalam penetapan kos ibadah haji bagi mengelakkkan kerajaan terpaksa menanggung kos-kos yang terlalu tinggi ekoran terdedah kepada faktor di luar kawalan mereka.

"Bagi golongan B40, bayaran haji untuk kali pertama melakukannya ibadah itu ditetapkan pada

Premium

Elektrifikasi Kritis

RM12,356, yang lain ditanggung oleh kerajaan. Ini tidak berlaku di negara-negara lain dan menunjukkan keseriusan Malaysia dalam membantu rakyatnya untuk menuaikan haji.

"Duit yang ada itu digunakan oleh kerajaan untuk membantu golongan B40 menunaikan haji tapi adakah kerajaan Malaysia juga perlu menanggung kos-kos lain? Disebabkan itu, bayaran haji tidak boleh seperti dulu dan perlu dinaikkan sesuai dengan situasi semasa," ujarnya.

Dalam pada itu, Mohd Izhar Ariff yang juga Pakar Fiqh Fatwa Kepenggunaan Semasa tidak menafikan bahawa implikasi meningkatkan had minimum pendafiran haji daripada RM1,300 sekarang akan menyebabkan orang yang mendaftar untuk menunaikan ibadah itu makin berkurangan.

"Meningkat kos minimum kepada peratusan yang lebih tinggi menunjukkan bahawa kelayakan (istiroah) yang ditetapkan oleh Islam itu sesuai.

"Jangan risau bagi sesiapa yang tidak mampu membayar atau membuat pendaftaran pada masa ini kerana anda tidak berdosai disebabkan telah termasuk dalam golongan orang yang belum berkemampuan untuk menunaikan ibadah haji," jelasnya.

Pada Jumaat, TH mengumumkan kos haji untuk seorang bakal haji Muassasah untuk musim haji 1445H/2024M meningkat lapan peratus kepada RM33,300 berbanding RM30,850 pada tahun lalu.

Sehubungan itu, bayaran haji bagi kumpulan B40 yang kali pertama menunaikan ibadah itu ditetapkan pada RM12,356, RM19,152 bagi kumpulan M40 manakala jemaaah T20 perlu membuat bayaran penuh iaitu RM33,300.

Baru-baru ini, Jabatan

Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) mencadangkan kemungkinan untuk menaikkan had minimum pendafiran haji supaya dengan itu, jumlah kos semasa haji turut diamalkira.

Menterinya, Datuk Dr Mohd Nazim Mokhtar berkata, jumlah minimum deposit pendaftaran sebanyak RM1,300 itu terlalu

JAMIL KHIR



MOHD IZHAR ARIFF

rendah dengan wujud keperluan untuk TH memperhalusi mekanisme pemilihan jemaah haji termasuk aspek kemampuan kewangan mereka.

Bekas Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom puas berpandangan, nilai kos-kos tersebut perlu dipertimbangkan dan diperbincangkan supaya ia adil kepada kerajaan dan TH yang memberi subsidi kepada golongan B40 dan M40.

"Golongan T20 perlu membayar penuh sebanyak RM33,300, berbeza dengan B40 dan M40. Ketiga-tiga tahap perbezaan itu bukan kerana berlain-lain tambang tetapi kumpulan-kumpulan yang diperlukan dinyatakan dalam peraturan yang tidak ada.

"Sekiranya dinyatakan dalam peraturan yang tidak ada subsidi di dalamnya, erinya terdiri atas kos tambahan yang perlu dibayar oleh kerajaan dan TH untuk bayaran haji bagi kumpulan B40 dan M40."

"Oleh itu, kita perlu bersikap adil kepada kerajaan dan TH yang memberi subsidi dan menanggung perbezaan kos antara golongan tersebut," ulasnya.

Jamil Khir yang juga Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) berkata, pembayaran RM33,300 itu menggambarkan keperluan untuk menampung kos 40 hari di Makkah mengikut keadaan semasa.

"Kos 12 hari dan 11 malam ke Makkah dalam keadaan bulan Ramadhan 15,000 apatah lagi muslim haji dianggarkan dalam RM15,000 dengan harga hotel yang mahal. Oleh sebab itu, kos-kos ini perlu dipertimbangkan dan diperbincangkan dengan adil.

"Semasa zaman saya men-

jadi menteri, kami tidak pernah mengambil untung daripada kos yang diterapkan. Kerajaan untung daripada ladang-ladang, perniagaan, saham dan semua yang kita buat untuk TH adalah dengan niat memberi subsidi," katanya.